

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SAU404 - Kriminologi

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A,  
Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian B, dan  
Jawab **SATU** soalan di Bahagian C.

BAHAGIAN A: (20 Markah)

Jawab SEMUA soalan dalam kertas jawaban yang dilampirkan.

1. Menurut pendekatan \_\_\_\_\_ definisi jenayah mencerminkan kehendak-kehendak mereka yang memperolehi kuasa sosial dalam sistem perundangan masyarakat.  
  
(A) Konsensus  
(B) Interaksi Sosial  
(C) Klasik
2. Menurut pendekatan konflik proses definisi jenayah dipengaruhi oleh motif-motif ekonomi kapitalist dan politik.  
  
(A) benar  
(B) salah
3. Membangunkan jiran (neighbourhood), membaiki sekolah dan menguatkan keluarga adalah cara-cara untuk mengurangkan jenayah. Ini adalah pendekatan pemikir ahli kriminologi \_\_\_\_\_ semasa.  
  
(A) radikal  
(B) liberal  
(C) konservatif

4. Jenayah petunjuk (crime index) Amerika Syarikat
  - (A) dikelasifikasikan kepada Bahagian I dan Bahagian II
  - (B) termasuk jenayah kekerasan dan jenayah harta benda
  - (C) mengukur kadar jenayah berasaskan 10,000 penduduk
  - (D) semua di atas adalah benar
  - (E) A dan B sahaja benar
  
5. Menurut Siegal, pakar-pakar kriminologi percayai bahawa taburan umur (age distribution) atau struktur umur kependudukan menentukan perubahan aliran jenayah dalam masyarakat:
  - (A) benar
  - (B) salah
  
6. Di Amerika Syarikat kadar jenayah bunuh dan rompakan yang tertinggi dilaporkan pada musim sejuk
  - (A) benar
  - (B) salah
  
7. Menurut kajian Hindelang dan Gottfredson, faktor-faktor yang mempengaruhi kadar laporan jenayah termasuk:
  - (A) umur mangsa yang terlibat
  - (B) pendapatan keluarga mangsa
  - (C) jantina mangsa
  - (D) semua di atas adalah benar
  - (E) A dan B sahaja benar
  
8. Jenayah antarabangsa (International Crime) termasuk
  - (A) penyeludupan dadah
  - (B) terrorism (penganasan)
  - (C) pornografi
  - (D) semua di atas adalah benar
  - (E) A dan B sahaja benar
  
9. Ahli Psikologi ketingkahlakuan (Behaviorist) percaya bahawa jenayah dan kelangsangan (aggressiveness) dipelajari oleh manusia daripada persekitarannya (termasuk model-model, filem dan media massa)
  - (A) benar
  - (B) salah

10. Jenayah harta benda termasuk:
- (A) mencuri
  - (B) menipu
  - (C) pecah amanah
  - (D) jenayah perdagangan
  - (E) semua di atas adalah benar
11. Menurut Reduan Aslie, samun bersenjata api adalah jenayah yang sering mendapat perhatian umum dan diberikan liputan yang luas oleh media massa.
- (A) benar
  - (B) salah
12. Ukuran tingkahlaku jenayah adalah penting untuk menemui sebab-musabab jenayah berlaku
- (A) benar
  - (B) salah
13. Menurut Siegal objektif-objektif utama ukuran tingkahlaku jenayah ialah:-
- (A) memahamai sifat asas jenayah dan penjenayah
  - (B) menilai keberkesanan rancangna pencegahan jenayah
  - (C) mempengaruhi keputusan yang dibuat dalam sistem keadilan jenayah
  - (D) semua di atas adalah benar
  - (E) A dan B sahaja benar.
14. Kajian \_\_\_\_\_ meminta respondant menghuraikan aktiviti jenayah yang mereka telah lakukan seumur hidup mereka
- (A) "Self Report Survey" (tinjauan lapor diri)
  - (B) Victimization Survey (tinjauan kemangsaan)
  - (C) Kajian "Longitudinal"
  - (D) Kajian "Cross-sectional"
15. Pendekatan \_\_\_\_\_ memilih satu golongan pesalah/penjenayah dan mengkaji pengalaman jenayah dalam keluarga mereka melalui rekod-rekod jenayah.
- (A) kajian longitudinal "retrospektif"
  - (B) kajian "Cross-sectional"
  - (C) kajian Cohort
  - (D) semua di atas tidak benar
  - (E) semua di atas adalah benar

16. Uniform Crime Report (UCR) di keluarkan oleh F.B.I (Federal Bureau of Investigation di Amerika Syarikat).
- (A) benar
  - (B) salah
17. Menurut model konsensus, undang-undang jenayah mempunyai fungsi kawal sosial
- (A) benar
  - (B) salah
18. Jenayah 'mala prohibita' adalah statut-statut yang dibentuk untuk mengawal mores dan norma-norma masyarakat semasa
- (A) benar
  - (B) salah
19. Ahli-ahli kriminologi positivist menumpukan ciri-ciri (kajihayat) biologikal dan psikologikal penjenayah
- (A) benar
  - (B) salah
20. Orang miskin yang melakukan jenayah selalu dijatuhkan hukuman yang keras tetapi penjenayah dari kelas atasan dijatuhkan hukuman-hukuman yang ringan walaupun kesan-kesan jenayah mereka adalah lebih 'serious'. Ini adalah pandangan:-
- (A) ahli kriminologi Konflik
  - (B) ahli kriminologi Fungsionalist
  - (C) ahli kriminologi Interaksi Sosial

SOALAN BONUS

21. Sejak 1986 Polis DiRaja Malaysia telah mempunyai satu pasukan siasatan khas bagi kes-kes mengenai kekerasan terhadap gadis dan wanita.
- (A) benar
  - (B) salah

BAHAGIAN B: (60 Markah)

Soalan ini WAJIB dijawab

Huraikan 3 teori Kriminologi di bawah. Untuk setiap teori yang dipilih:-

- (a) Huraikan sumbangan 2 ahli teoritis.
- (b) Bincangkan kekuatan dan kelemahan teori tersebut untuk menjelaskan satu jenis jenayah yang anda pilih.
- (c) Berasaskan andaian-andaian teori tersebut bincangkan pendekatan pencegahan dan hukuman untuk mengurangkan jenayah.

Teori-teori Kriminologi

- (1) Teori Konflik
- (2) Teori Konsensus
- (3) Teori Labelling
- (4) Teori Pilihan (Choice Theory)
- (5) Teori Pembangunan (Developmental Theory)
- (6) Teori Kawalan Sosial

...6/-

**BAHAGIAN C:** (20 Markah)

Jawab SATU soalan sahaja.

1. Huraikan masalah jenayah di Malaysia dengan menjelaskan:-
  - (a) kadar dan aliran jenayah index (petunjuk).
  - (b) perbezaan kadar jenayah antara negeri, jantina dan ras.
  - (c) rancangan kawalan dan pencegahan jenayah yang dijalankan oleh Pihak Polis DiRaja Malaysia.
  
2. Huraikan sistem kepenjaraan di Malaysia dengan menjelaskan
  - (a) Ciri-ciri banduan (jenayah) berasaskan
    - (i) ras
    - (ii) jantina
    - (iii) jenis kesalahan
    - (iv) jenis hukuman
    - (v) sistem kolar berwarna
    - (vi) sistem ampun.
  - (b) Objektif dan falsafah penjara Pulau Pinang.
  - (c) Masaalah yang dihadapi oleh pihak Berkuasa Penjara.
  
3. Pilih satu jenis jenayah yang anda telah teliti sepanjang semester ini.  
Huraikan:-
  - (a) Definisi dan ciri-ciri jenayah tersebut.
  - (b) Kadar dan aliran jenayah yang dipilih itu.
  - (c) Jenis hukuman yang dijatuhkan atas jenayah itu.
  - (d) Bandingkan masalah jenayah ini dengan keadaannya di salah satu negara lain yang anda pilih.